

TARIKH : 15/8/2022  
SURAT KHABAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1

# Tiga kaedah laksana kerja 45 jam seminggu

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Susulan pelaksanaan waktu bekerja 45 jam seminggu berkuat kuasa 1 September ini, Kementerian Sumber Manusia mencadangkan tiga kaedah yang boleh digunakan majikan atau industri untuk melaksanakan peraturan baharu itu.

Bagaimanapun, majikan tidak dibenarkan mengurangkan gaji pekerja untuk melaksanakan tiga kaedah terbabit.

Mengulas lanjut tiga kaedah itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata kaedah pertama ialah dengan mengurangkan waktu be-

kerja harian dalam seminggu. "Contohnya jika seseorang pekerja bekerja enam hari seminggu dengan waktu kerja lapan jam sehari, majikan boleh mengurangkan waktu kerja itu kepada 7.5 jam sehari.

"Selain itu, majikan juga mengurangkan waktu bekerja dalam mana-mana hari dalam seminggu.

"Jika seseorang pekerja bekerja enam hari seminggu iaitu Isnin hingga Sabtu dengan waktu kerja lapan jam sehari, majikan boleh memendekkan waktu bekerja pada hari Sabtu daripada lapan jam kepada lima jam," katanya kepada *BH*.

*Nasional* 7

**Eksklusif**

15/8 2022 1